

HUKUM PEMBAYARAN HUTANG MUALLAF SEBELUM ISLAM MENGUNAKAN WANG ZAKAT

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-1/2010 yang bersidang pada 2 Mac 2010 telah memutuskan seperti berikut:

Pembayaran hutang Muallaf sebelum Islam adalah diharuskan menggunakan wang zakat.

- i. Pembayaran hutang tersebut menggunakan peruntukkan Asnaf al-Gharimin.
- ii. Hutang yang dibayar adalah hutang yang disebabkan pembiayaan keperluan sahaja.
- iii. Hutang yang dibayar bukan hutang yang bertujuan untuk belanja mewah serta dilakukan secara berulang kali.
- iv. Keputusan ini diambil berdasarkan kepada dalil;

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا
وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ
السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang

dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan bekalannya) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Status: Tidak Warta

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor